

15 MAR 2004
Pilihan raya-MIC
SELEPAS 30 TAHUN, SAMY VELLU MASIH BERTENAGA

Oleh: Arul Rajoo

SUNGAI SIPUT, 15 Mac (Bernama) -- Ketika mula menapak di pekan kecil ini 30 tahun yang lalu, tidak banyak penduduk di sini yang mempercayai bahawa pemuda MIC berusia 38 tahun itu kelak akan muncul sebagai legenda dengan caranya yang tersendiri.

Anak penoreh getah kelahiran Kluang, Johor itu bertanding pada pilihan raya umum 1974 atas tiket Barisan Nasional bagi merebut kerusi Parlimen Sungai Siput dan berjaya menewaskan P.Patto daripada DAP yang juga dianggap satu tokoh legenda yang tersendiri, dengan majoriti 644 undi.

Dan selebihnya adalah sejarah.

Hari ini, Datuk Seri S. Samy Velly adalah salah seorang anggota Parlimen yang paling lama di negara ini, seorang menteri yang paling lama berkhidmat dan seorang Presiden MIC yang paling lama bertahan.

"Pada hari pertama saya di Sungai Siput, saya adalah orang asing. Saya terpaksa memberi senyuman kepada orang ramai untuk mendapat senyuman balas....hari ini Sungai Siput adalah ibarat satu keluarga saya yang besar dan kita bergaul seperti adik beradik," kata Samy dalam satu wawancara ketika beliau sibuk menyemak jadual kempen yang disediakan oleh pembantunya bagi menghadapi pilihan raya umum ke 11 pada 21 Mac ini.

Sejak memenangi kerusi itu 30 tahun yang lalu, Samy yang meraikan hari jadinya yang ke 67 di bangunan serba moden Pusat Konvensyen Sungai Siput yang direkabentuk oleh beliau sendiri pada 8 Mac lalu, adalah pengunjug tetap pekan ini - hampir pada setiap hujung minggu.

Daripada sebuah pekan mundur yang dikelilingi hutan belantara, Sungai Siput telah melalui proses pembangunan yang paling pesat sehingga dianggap oleh Samy bahawa "Sungai Siput kini telah mencapai apa yang gagal dicapainya dalam masa 50 tahun sebelum itu."

Untuk pilihan raya kali ini Samy mencuba untuk penggal kelapan apabila beliau menyerahkan kertas pencalonannya Sabtu lepas. Kali ini beliau akan

sekali lagi berdepan dengan Dr D. Jeyakumar daripada Parti Keadilan dan S. Ponnammal daripada DAP.

Walaupun usaha mempertahankan kerusi Parlimen itu satu keutamaan baginya, beliau memberi jaminan semua lapan lagi calon Parlimen dan 19

Dewan Undangan Negeri MIC tetap berusaha keras untuk mengulangi kejayaan

100 peratus yang diperolehi parti itu pada pilihan raya umum 1999.

Samy berkata parti itu telah memulakan persiapan untuk pilihan raya

kali ini sejak 9 November lepas apabila pengerusi BN Datuk Seri Abdullah

Ahmad Badawi melancarkan jentera pilihan rayanya.

Berikutan itu, konvensyen pilihan raya peringkat negeri telah dijalankan di setiap negeri dengan pemimpin daripada lebih 4,600 cawangan

di seluruh negara mengadakan beberapa siri pertemuan untuk merangka persediaan.

"Kita di MIC telah bersedia dengan bendera dan perlatan kempen yang

lain. Setiap calon MIC diperuntukkan poster dan bahan-bahan kempen yang

lain bernilai RM25,000," kata Samy.

Dan yang paling penting ialah pemilihan calon.

Dengan lebih 500,000 anggota di seluruh negara, kegiatan melobi bagi

dipilih sebagai calon di kawasan-kawasan yang diperuntukkan kepada MIC

sudah semestinya rancak.

Samy berkata proses pemilihan calon mengambil masa lebih dua bulan

kerana beliau terpaksa menemui dan berbincang dengan individu yang berpotensi untuk menyelami minat mereka terhadap hal ehwal

masyarakat dan

syarat-syarat yang perlu mereka ketahui.

"Yang paling penting ialah seseorang bakal calon mestilah mampu bekerja

dan berkhidmat dalam persekitaran rakyat yang berbilang kaum. Mereka perlu

mempunyai satu suara dan fikiran iaitu mereka adalah calon BN yang tampil

untuk berkhidmat kepada semua," katanya.

Apabila Samy mengumumkan senarai calonnya Rabu lepas, beliau membuat

satu kejutan besar dengan menggugurkan timbalannya yang juga penyandang

kerusi Parlimen Segamat Datuk S. Subramaniam.

"Saya tidak menyesal...bahkan saya menerima lebih 1,000 pesanan ringkas

(SMS) mengucapkan tahniah dan menghargai pemilihan calon yang telah dibuat," katanya.

Lagipun, kata Samy calon baru untuk Segamat iaitu timbalan pengerusi MIC Melaka Dr. S. Subramaniam diterima dengan baik oleh penduduk Segamat dan beliau yakin dengan sokongan Umno serta parti-parti komponen BN yang lain, kerusi itu akan dapat dipertahankan dengan majoriti yang lebih besar.

Mengenai calon-calon lain, beliau berkata, keputusan untuk mengekalkan kebanyakan bekas penyandang kerusi Parlimen dan DUN kerana perkhidmatan mereka yang baik.

"Kita gugur beberapa orang sementara yang lain perlu diberi peluang untuk meneruskan perkhidmatan mereka. Di Selangor khususnya, saya kekalkan Datuk S. Sivalingam kerana beliau seorang pekerja yang baik dan benar-benar memenuhi aspirasi masyarakat," katanya.

Menurut Samy sesetengah anggota Exco kerajaan negeri dikekalkan kerana mereka mempunyai hubungan kerja yang baik dengan Menteri Besar masing-masing.

"Saya tidak mahu menghantar orang baru untuk mula menjalin hubungan. Saya lebih utamakan pemandu yang berpengalaman daripada mereka yang baru memperolehi lesen memandu," katanya.

Mengenai barisan muka baru yang dikemukakan parti, Samy berkata mereka mewakili kepimpinan generasi baru dan profesional, seperti S.K. Devamany (Cameron Highlands), Timbalan Ketua Pemuda MIC S. Ramish (Kahang) dan M. Asojan (Gambir).

Menurut Samy, sebagai contoh Devamany, pemegang ijazah Sastera Melayu adalah seorang pekerja sosial yang mempunyai pengalaman yang baik dalam bidang pendidikan dan aktiviti sosial, pemedato yang baik dan telah berkhidmat selama 15 tahun dengan parti.

Secara keseluruhannya, Samy yakin MIC akan dapat menghadapi pilihan raya kali ini dengan lancar walaupun mungkin ada saingan hebat di beberapa kawasan seperti Pasir Panjang di Perak.

Beliau berkata di antara isu-isu yang menyentuh masyarakat India secara langsung pada pilihan raya ini ialah tanah, pekerjaan, pendidikan asas yang cukup dan bantuan pendidikan.

Mengenai kritik pihak pembangkang kononnya kaum India terpinggir dalam pengagihan peluang ekonomi, Samy berkata kerajaan telah membantu kaum itu dalam pelbagai cara.

Pembinaan Tafe College di Negeri Sembilan dan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi (AIMST) di Sungai Petani telah menjadi kenyataan hasil bantuan kerajaan negeri dan pusat.

"Bahkan, (bekas Perdana Menteri) Tun Dr Mahathir (Mohamad) sendiri memberi tumpuan langsung kepada masyarakat India. Perdana Menteri berbuat demikian tidak berlaku dalam masyarakat India pada masa-masa lampau," kata Samy.

Menurutnya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga meneruskan inisiatif Dr Mahathir itu, dan itu satu petanda baik masa depan kaum India.

Bahkan, katanya kaum India juga telah diperuntukkan 3,400 unit rumah pangsa di Lembah Klang pada tahun ini. Masalahnya kerajaan berhadapan dengan kesukaran memujuk kaum itu berpindah ke rumah pangsa berkenaan.

Berhubung wawasan seterusnya selepas siapnya pembinaan AIMST, Samy berkata beliau bercadanag membina ibupejabat MIC yang ultra moden lengkap dengan pejabat, institusi pendidikan dan hotel.

Beliau berharap rakyat akan memberi mandat yang kuat kepada kerajaan BN pimpinan Abdullah agar Malaysia terus menjadi sebuah tempat tinggal yang aman, stabil dan makmur.

-- BERNAMA

AR AM